KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **20 NOVEMBER 2024**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian
HARI: RABU
TARIKH: 20/11/2024
M/SURAT: 19

# Restoran guna logo halal tak sah



*Penguat kuasa KPDN dan JAHEAIK menurunkan papan tanda dan kain rentang restoran yang menggunakan logo halal tak sah dalam serbuan tengah hari kelmarin.* (Foto ihsan KPDN)

## Premis pernah memohon sijil pada 2021 tapi tidak lulus

Oleh Siti Rohana Idris
bhnews@bh.com.my

**Kota Bharu:** Sebuah restoran yang sudah beroperasi lebih separuh abad di sini, dikenakan tindakan kerana menggunakan logo halal tak sah.

Serbuan jam 12.30 tengah hari kelmarin oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan bersama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK).

Pengarah KPDN Kelantan Azman Ismail berkata, semakan mendapati premis itu pernah memohon sijil halal pada 2021 tapi tidak lulus.

"Pemeriksaan mendapati premis berkenaan mempamerkan logo halal tanpa sijil sah dan kesalahan itu melanggar Perintah 8 (a) Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.

"Turut dirampas salinan lesen Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), salinan lesen pihak berkuasa tempatan (PBT) serta dua unit banting pelekat tertera logo halal dan dua unit papan tanda kedai menjadikan nilai rampasan RM150," katanya dalam kenyataan semalam.

### Denda tak lebih RM5j

Azman berkata, jika sabit kesalahan, pertubuhan atau perbadanan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM5 juta dan bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi RM10 juta.

Bagi bukan pertubuhan atau perbadanan pula, tidak melebihi RM1 juta atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: RABU

TARIKH: 20/11/2024

M/SURAT: 10

# Separuh abad guna logo halal tak sah

**Kota Bharu:** Restoran yang sudah beroperasi lebih separuh abad di sini dikenakan tindakan kerana menggunakan logo halal tidak sah.

Serbuan dibuat pada 12.30 tengah hari kelmarin oleh pasukan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan bersama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK).

Pengarah KPDN Kelantan Azman Ismail berkata, hasil semakan mendapati premis terbabit pernah memohon sijil halal pada 2021, tapi tidak lulus.

"Didapati juga premis berkenaan mempamerkan logo halal tanpa sijil sah dan kesalahan itu melanggar Perintah 8 (a) Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.

"Turut dirampas salinan lesen Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), salinan lesen pihak berkuasa tempatan (PBT) serta dua unit banting pelekat tertera logo halal dan dua unit papan tanda kedai menjadikan nilai rampasan RM150," katanya dalam kenyataan media, semalam.

**Kesalahan melanggar Perintah 8 (a) Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011**

Menurutnya, jika sabit kesalahan, denda yang dikenakan tidak melebihi RM200,000 bagi pertubuhan atau perbadanan, manakala untuk kesalahan kedua atau berikutnya, tidak melebihi RM500,000.

"Jika bukan pertubuhan atau perbadanan, didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya," katanya.



PASUKAN penguat kuasa KPDN dan JAHEAIK menurunkan papan tanda restoran yang menggunakan logo halal tidak sah dalam serbuan semalam. - Gambar IHSAN KPDN

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: RABU
TARIKH: 20/11/2024
M/SURAT: 6

# Tidak boleh sesuka hati naik harga - KPDN

**KUALA LUMPUR** - Semua pihak dinasihati supaya berhati-hati mengeluarkan sebarang kenyataan untuk menaikkan harga makanan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali berkata, kerajaan tidak mahu ada pihak mengambil kesempatan susulan pengumuman kenaikan gaji minimum dan penjawat awam.

Menurutnya, sebarang pengumuman kenaikan harga tidak boleh dibuat sewenang-wenangnya dan perlu melalui justifikasi kukuh tanpa ada elemen pencatutan.

"Jika buat demikian, KPDN boleh memanggil pihak terbabit untuk mendapatkan alasan dan sebab kenaikan harga," katanya ketika Perasmian Penutup Gerakan Pengguna Siswa (GPS) Peringkat Kebangsaan 2024 di sini pada Selasa.

Armizan berkata demikian ketika diminta mengulas cadangan kenaikan harga restoran mamak di Johor.

Sebelum ini, media melaporkan kira-kira 300 pengusaha restoran mamak di Johor mengadu kos operasi mereka akan terus meningkat dengan pelaksanaan gaji minimum mulai tahun.

Justeru, pengusaha restoran dijangka menaikkan harga makanan mulai tahun depan.

Armizan berkata, Persatuan Usahawan India Muslim Negeri Johor sudah dipanggil pada 14 November lalu untuk perbincangan berkenaan isu tersebut.

"Sebaik mereka membuat pengumuman, KPDN mengeluarkan notis dan panggil untuk penjelasan.

"Selepas perjumpaan bersama wakil persatuan, mereka memberi komitmen tidak akan naikkan harga seperti diumumkan," jelasnya.

Sementara itu, kerajaan akan memperluas inisiatif Payung Rahmah menerusi Program Jualan Rahmah Madani (PJRM)@Kampus yang bakal dilaksanakan Januari tahun depan.

Menurut Armizan, menerusi program itu lebih ramai golongan sasar akan menerima manfaat termasuk penuntut institusi pengajian tinggi (IPT).




Armizan (tiga dari kiri) menyampaikan replika cek kepada GPS untuk program meningkatkan advokasi kepenggunaan dalam masyarakat pada Selasa.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

theSun TELLING IT AS IT IS

HARI: RABU
TARIKH: 20/11/2024
M/SURAT: 3

# Need for measures to protect new vehicle buyers

» Introduction of Lemon Law would mark significant step towards safeguarding consumer rights and enhance confidence in automotive sector, says Fomca

BY **DEEPALAKSHMI MANICKAM**
*newsdesk@thesundaily.com*

**PETALING JAYA:** Marklines, a portal that serves companies in the automotive industry, said new car sales in Malaysia jumped to 718,748 units for the first 11 months of 2023, an increase of 11.5% from the previous year, although total vehicle sales are expected to drop by 7.5% this year.

However, the National Consumer Complaints Centre (NCCC) said despite the considerable sales, Malaysians continue to face issues with their rides.

"A total of 50 complaints related to new cars were recorded between May 2023 and May 2024, including frequent breakdowns, persistent engine malfunctions, defective air conditioning systems, faulty sensors and gearbox failures."

It said many individuals also expressed frustration with lengthy repair times and unresolved defects despite multiple service attempts, highlighting the need for stronger consumer protection measures.

Meanwhile, a Lemon Law, which is a consumer protection law that helps buyers of defective vehicles make claims and ensures accountability among car manufacturers and dealers, is still in the works.

On Oct 18, Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali told parliament that the law is in its final phase.

"A technical committee has told a consultation team to study a new component of the proposed law.

"With this, the full study (on the law) will be presented to the ministry," he said.

Federation of Malaysian Consumers Associations (Fomca) vice-president Datuk Indrani Thuraisingham said the introduction of the Lemon Law would mark a significant step forward in safeguarding consumer rights and enhancing confidence in the automotive sector.

"This law will not only protect buyers but also encourage manufacturers and dealers to maintain higher standards in the products and services they offer.

"They must also repair defective vehicles as required by law. The Consumer Protection Act 1999 already imposes such responsibilities, but the Lemon Law would ensure strict compliance."

She said there are several hurdles that buyers of defective vehicles currently face.

For instance, owners of faulty vehicles costing over RM50,000 cannot demand a replacement through the Malaysian Consumer Claims Tribunal, and are forced to file a civil suit in court.

Another challenge is to obtain an approval letter from the vehicle financier due to ownership issues under the Hire Purchase Act 1967.

"The law considers the bank or financial institution as the vehicle owner, while the consumer is only a lessee until full payment. This complicates claims," she said.

Indrani also highlighted key differences between Malaysia's current consumer protection laws and those in Singapore.

She said Singapore consumer laws include the presumption that defects found within six months of a vehicle purchase existed at the time of delivery unless proven otherwise by the seller.

"In Malaysia, the burden of proof lies entirely with consumers, making it difficult to hold traders accountable.

"A six-month timeframe for claims is reasonable and Malaysia should follow the Singapore example."

Indrani urged the government to ensure that the proposed Lemon Law covers both new and pre-owned vehicles, and stressed that used cars should undergo inspections by the Computerised Vehicle Inspection Centre and Road Transport Department to ensure they are in good order before being sold.

She said complaints about mechanical issues, tampered odometers and cannibalised parts from scrapped cars that are reused in pre-owned cars point to the urgent need to extend coverage of the Lemon Law.

"The government can work with NCCC and Fomca to conduct regular surveillance and monitoring, and use the NCCC dedicated complaints platform to collect specific data and develop a report card regarding complaints on new car models nationwide," she added.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: RABU
TARIKH: 20/11/2024
M/SURAT: 6

# Increase in Rahmah Sales allocation to ensure target groups benefit

Johan Aziz

KENINGAU: The increase in the allocation of the Rahmah Madani Sales Programme to RM300 million next year is the mandate of the Prime Minister to ensure that the programme really reaches the target group, said the Minister of Domestic Trade and Cost of Living, Datuk Armizan Mohd Ali here.

He urged the branches of Ministry of Domestic Trade and Cost Of Living (KPDN) throughout Sabah to cooperate with the offices of the People's Representatives and the Community Development Leaders Unit to identify suitable locations for organising this programme.

"Preparation for this programme has started now and can be viewed on the KPDN website a month before the programme takes place," he said at the Keningau Parliament Constituency Rahmah Madani Sales Programme in Apin-Apin, here, recently.

The programme was attended by Assistant Minister of Works, Datuk Robert Tawik; District Officer, Peter Jonu Moinjil; KPDN officers, community leaders and hundreds of people.

It was officiated by Deputy Chief Minister 1 and Minister of Agriculture, Fisheries and Food Industry, Datuk Seri Dr Jeffrey Kitingan.

Armizan said, with the availability of preliminary information to the community, KPDN could make plans for holding the Rahmah Madani Sales Programme.

He said the Prime Minister requested to expand the programme to twice a month with the additional provision in one state constituency next year.

"But this programme can be held if there is a festival or there are areas where the target group sees there are many residents who have People's Housing Programme (PPR) houses.



Dr Jeffrey shaking hands with the people attending the Keningau Parliament Rahmah Madani Sales Programme in Apin-Apin. Also seen are Armizan (next to Jeffrey) and Robert.

"For example, in the run-up to the Christmas festival, we will need to make plans, increase the number of programmes in Sabah because many of our communities and citizens celebrate this festival. So there is a need next month for us to make plans so that we do this programme during the Christmas season," he said.

In terms of controlling the prices of goods during the festive season, Armizan said his Ministry is monitoring 480 items of goods every day in 1,640 locations in Sabah.

"If there is price movements, my Ministry will work with the Ministry of Agriculture at the Federal and State levels in terms of demand and supply to ensure that the supply value is sufficient and can prevent price increases," he said.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: RABU
TARIKH: 20/11/2024
M/SURAT: 16

Nota Di Sebalik Tabir

Bersama MERAK JALANAN

# Permulaan operasi bersihkan KL daripada aktiviti 'kotor'

**PELAKSANAAN** operasi yang dinamakan KL Strike Force telah memberi satu tanda amaran keras kepada kegiatan haram yang beroperasi di ibu negara.

KL Strike Force merupakan pasukan khas bersepadu yang ditubuhkan untuk menangani isu keselamatan dan ketenteraman awam di Kuala Lumpur.

Untuk informasi, pelaksanaan operasi ini melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) serta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Merak Jalanan dimaklumkan, KL Strike Force adalah unit khas bersepadu ditubuhkan secara pentadbiran melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri (JKKN) Wilayah Persekutuan Bilangan 1 Tahun 2024, pada 27 Mei lalu.

Tujuannya untuk mengatasi pelbagai cabaran seperti kehadiran pendatang asing, penempatan haram, pelacuran serta isu-isu seperti perniagaan tanpa lesen, gelandangan dan mengemis.

Merak Jalanan difahamkan serbuan bersama JIM bersama PDRM cukup aktif dalam usaha membendung kegiatan maksiat dan persundalan.

Bagi Merak Jalanan, sudah tentu operasi dengan nama unik ini akan menjadi titik tolak pihak berkuasa untuk membendung dan membersihkan Kuala Lumpur daripada aktiviti 'kotor'.

Tabik kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dr Zaliha Mustafa kerana ketegasannya menangani isu keselamatan dan ketenteraman awam secara pantas, berkesan dan berterusan.

Merak Jalanan percaya, usaha bersepadu ini akan membina kepercayaan masyarakat kepada pihak berkuasa.

Ini sekali gus menepis tohmahan negatif terhadap pihak berkuasa dan kerajaan.

Pada masa sama Merak Jalanan amat menggesa masyarakat untuk salurkan maklumat supaya bersama-sama 'membersihkan' Kuala Lumpur.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE
## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 20 NOVEMBER 2024 | | | |
|---|---|---|---|
| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
| 20-Nov | GPS perlu jadi suara rakyat bentuk pengguna bijak – Armizan | https://malaysiagazette.com/2024/11/19/gps-perlu-jadi-suara-rakyat-bentuk-pengguna-bijak-armizan/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 20-Nov | GPS TERIMA MANDAT BERI SYOR, CADANGAN PELAKSANAAN PJRM@KAMPUS | https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2365026 | BERNAMA |
| 20-Nov | KPDN perkenal Program Jualan Rahmah MADANI @ Kampus bermula Januari 2025 | https://www.tvsarawak.my/2024/11/19/kpdn-perkenal-program-jualan-rahmah-madani-kampus-bermula-januari-2025/ | TV SARAWAK |
| 20-Nov | KPDN perluas Jualan Rahmah Madani menerusi PJRM@Kampus mulai 2025 | https://malaysiagazette.com/2024/11/19/kpdn-perluas-jualan-rahmah-madani-menerusi-pjrmkampus-mulai-2025/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 20-Nov | Guna logo halal palsu, restoran beroperasi setengah abad kena tindakan | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/11/1325908/guna-logo-halal-palsu-restoran-beroperasi-setengah-abad-kena-tindakan | BERITA HARIAN |
| 20-Nov | Restoran beroperasi setengah abad dikompaun kerana guna logo halal palsu | https://www.buletintv3.my/nasional/restoran-beroperasi-setengah-abad-dikompaun-kerana-guna-logo-halal-palsu/ | BULETIN TV3 |
| 20-Nov | Restoran beroperasi separuh abad guna logo halal tidak sah | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/11/1156698/restoran-beroperasi-separuh-abad-guna-logo-halal-tidak-sah | HARIAN METRO |
| 20-Nov | Domestic Trade Ministry says will take action against non-Muslim business owners using Islamic symbols to deceive customers, Muslim traders will also be penalised for using fake halal logos | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/11/19/domestic-trade-ministry-says-will-take-action-against-non-muslim-business-owners-using-islamic-symbols-to-deceive-customers-muslim-traders-will-also-be-penalised-for-using-fake-halal-logos/157312 | MALAY MAIL |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 20-Nov | Ministry says will take action against non-Muslim business owners using Islamic symbols to deceive customers | https://www.dailyexpress.com.my/news/246371/domestic-trade-ministry-says-will-take-action-against-non-muslim-business-owners-using-islamic-symbols-to-deceive-customers-muslim-traders-will-also-be-penalised-for-using-fake-halal-logos/ | DAILY EXPRESS |
| 20-Nov | Tidak boleh sesuka hati naik harga - Armizan | https://www.sinarharian.com.my/article/697444/berita/nasional/tidak-boleh-sesuka-hati-naik-harga---armizan | SINAR HARIAN |
| 20-Nov | Kempen Jom Kosong salur 20 sen setiap cawan terjual ke Tabung Bantuan Makan Sekolah Tealive | https://malaysiagazette.com/2024/11/19/kempen-jom-kosong-salur-20-sen-setiap-cawan-terjual-ke-tabung-bantuan-makan-sekolah-tealive/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 20-Nov | Syarikat pengilang beras, pengarah didakwa perihal dagangan palsu | https://www.sinarharian.com.my/article/697440/berita/semasa/syarikat-pengilang-beras-pengarah-didakwa-perihal-dagangan-palsu | SINAR HARIAN |
| 20-Nov | Company, two directors claim trial to using false trade descriptions | https://thesun.my/malaysia-news/company-two-directors-claim-trial-to-using-false-trade-descriptions-BA13313828 | THE SUN |
| 20-Nov | Permulaan operasi bersihkan KL daripada aktiviti 'kotor' | https://www.sinarharian.com.my/article/697540/suara-sinar/pojok/permulaan-operasi-bersihkan-kl-daripada-aktiviti-kotor | SINAR HARIAN |
| 20-Nov | Restoran beroperasi separuh abad dikompaun guna logo halal tidak sah | https://malaysiagazette.com/2024/11/19/restoran-beroperasi-separuh-abad-dikompaun-guna-logo-halal-tidak-sah/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 20-Nov | Restoran beroperasi separuh abad dikompaun guna logo halal tidak sah | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/restoran-beroperasi-separuh-abad-dikompaun-guna-logo-halal-tidak-sah-497029 | ASTRO AWANI |
| 20-Nov | Restoran beroperasi separuh abad dikompaun guna logo halal tidak sah | https://www.sinarharian.com.my/article/697498/edisi/kelantan/restoran-beroperasi-separuh-abad-dikompaun-guna-logo-halal-tidak-sah | SINAR HARIAN |
| 20-Nov | RESTORAN BEROPERASI SEPARUH ABAD DIKOMPAUN GUNA LOGO HALAL TIDAK SAH | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2365204 | BERNAMA |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 20-Nov | GPS tasked to propose recommendations for Rahmah Madani sales programme at campuses | https://www.nst.com.my/news/nation/2024/11/1136735/gps-tasked-propose-recommendations-rahmah-madani-sales-programme | NEW STRAITS TIMES |
| 20-Nov | PJRM di IPT, bakal diperluas tahun depan - KPDN | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/pjrm-di-ipt-bakal-diperluas-tahun-depan-kpdn | BERITA RTM |
| 20-Nov | Payung Rahmah diperluas kepada mahasiswa melalui PJRM@Kampus | https://www.sinarharian.com.my/article/697416/berita/nasional/payung-rahmah-diperluas-kepada-mahasiswa-melalui-pjrmkampus | SINAR HARIAN |
| 20-Nov | KPDN perluas Program Jualan Rahmah Madani di semua IPT | https://www.wilayahku.com.my/kpdn-perluas-program-jualan-rahmah-madani-di-semua-ipt/ | WILAYAHKU |